

14/10/1997

Perak mahu banteras peneroka haram

IPOH, Isnin - Menteri Besar, Tan Sri Ramli Ngah Talib mengarahkan semua agensi kerajaan di Perak mengambil tindakan sewajarnya bagi mengatasi masalah penerokaan tanah secara haram.

Beliau berkata, tindakan itu bagi mengelak kegiatan penerokaan atau pencerobohan tanah kerajaan atau persendirian menjadi satu budaya di kalangan masyarakat.

"Jika keadaan itu dibiarkan, ia akan menggalakkan orang ramai meneroka tanah kosong milik kerajaan atau persendirian.

"Sebelum kegiatan itu menjadi budaya masyarakat, ia perlu dibanteras dan agensi kerajaan yang berkaitan perlu mengambil tindakan tegas mengikut prosedur undang-undang," katanya kepada pemberita selepas perhimpunan bulanan kakitangan agensi kerajaan negeri, di sini, hari ini.

Menurutnya, walaupun tindakan agensi kerajaan akan menimbulkan bantahan daripada peneroka haram, tugas itu perlu diteruskan bagi mengelak ia berleluasa.

Ditanya mengenai bentuk tindakan yang perlu diambil terhadap peneroka haram, Ramli berkata, ia bergantung kepada keadaan tetapi menegaskan mesti mengikut peruntukan undang-undang supaya tidak timbul masalah.

Katanya, walaupun kegiatan penerokaan haram tidak serius di negeri ini, hanya membabitkan beberapa kes, termasuk mengusahakan pertanian dan membina rumah, ia harus dibanteras dari awal.

Menurutnya, usaha mengatasi masalah penerokaan tanah secara haram itu dipersetujui dalam mesyuarat Menteri Besar dan Ketua Menteri di Kuala Lumpur, baru-baru ini.

Bagaimanapun, Ramli berkata, kegiatan pembukaan tanah hutan oleh Orang Asli untuk pertanian dan penempatan tidak boleh dikategorikan sebagai penerokaan haram kerana ia sudah menjadi cara hidup mereka.

Sementara itu, Ramli mencadangkan syarikat milik agensi kerajaan yang mencatat keuntungan besar supaya memberikan sumbangan komputer bagi membantu kerajaan negeri melengkapkan peralatan itu di jabatan berkenaan.

Beliau juga berkata, kerajaan negeri akan mematuhi arahan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad supaya pegawai kanan kerajaan yang layak menggunakan kereta mewah import menukarnya kepada Proton.

"Pegawai terbabit, termasuk saya sendiri dan Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri (Exco) layak menukar kereta empat tahun sekali dan jika mereka ingin menukar kereta Mercedes Benz yang digunakan sekarang, mereka perlu menggunakan kereta Proton.

"Jika tidak, mereka boleh menggunakan kereta sedia ada selagi ia boleh digunakan," katanya.

(END)